

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RAE 341 Sejarah Seni Bina I

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. "Seni Bina ialah sintesis seni dan teknologi, telah mengwujudkan berbagai-bagai bentuk yang diperolehi daripada kehendak-kehendak serta kemahiran-kemahiran pembina dan tidak ketinggalan juga, bahan yang diperolehi dengan mudah."

Berdasarkan kepada bentuk fungsi, teknologi seni dan masyarakat, bincangkan dengan ringkas perubahan-perubahan utama di dalam teknik pembinaan dan bentuk-bentuk bangunan sejak turun-temurun (setakat abad kelapan belas).

(100 Markah)

2. "MANUSIA GENTAR KEPADA MASA DAN MASA GENTAR KEPADA PIRAMID"

Pemujaan roh yang berasaskan kepada kepercayaan hidup sesudah mati mempunyai kesan yang mendalam kepada perkembangan seni bina Mesir. Di samping itu pusingan bermusim, kering kontang dan kesuburan pohon menghijau pada tiap-tiap tahun yang dibawa oleh Sungai Nil memberikan suasana monoton kepada cara hidup sebagaimana tercermin pada semua bentuk gambaran di dalam pemeliharaan ritualistik orang-orang Mesir. Bincangkan pernyataan ini di dalam konteks perkembangan seni bina ritualistik Mesir. (KUIL & PIRAMID)

(100 Markah)

...2/-

3. Orang Yunani (Greek) boleh dikatakan sederhana dan berpatutan dengan konsep penghidupan yang selesa, sementara orang Roman berpraktikal, teratur dan mempunyai cita-cita yang tinggi.

Perbezaan asas tentang pendapat agama penghidupan di antara orang Yunani dan orang Roman dapat digambarkan di dalam pengaturan dan rekaan bangunan.

Bincangkan.

(100 Markah)

4. Beza dan bandingkan dengan lakaran-lakaran, kecepatan dan kelapangan ruang bangunan orang Byzantine dengan bandingan dimensi dan keadaan terus menerus 'spatial' bangunan Gothic.

(100 Markah)

5. Kematian Tuhan-Tuhan dan zaman kepercayaan adalah permulaan seni bina Romanesque yang berkaitan dengan ruang-ruang dan matriks. Ini telah diikuti dengan undang-undang dan ukuran-ukuran bentuk-bentuk awal zaman peralihan (Renaissance), yang selanjutnya telah ditafsirkan sebagai pergerakan tembus-menembus bangunan-bangunan Baroque dan Rococco.

Bincangkan.

(100 Markah)

6. (a) "Bentuk luar menyerupai bentuk dalam." Pemikiran barat dengan tradisi timur digabungkan menjadi seni bina Byzantine. Bincangkan.
- (b) Lakarkan satu bentuk "BASILICA" pada zaman awal Kristian (Pelan/Keratan). Bincangkan pembahagian ruang serta fungsinya.
- (c) Lakarkan serta bincangkan konsep pembahagian ruang "Thermae"

(100 Markah)

...3/-

7. Dengan bantuan lakaran, bincangkan:-

- (a) "LANTERN"
- (b) "PENDENTIVE"
- (c) "VAULTS"
- (d) "PYLON"
- (e) "FLYING BUTTRESS"

(100 Markah)

-ooo000ooo-